

PM beri peringatan jangan jadikan kes Zara senjata politik

Putrajaya: Datuk Seri Anwar Ibrahim mengingatkan semua pihak supaya tidak menjadikan kematian pelajar, Zara Qairina Mahathir yang dikaitkan dengan kes buli sebagai senjata politik.

Perdana Menteri menegaskan, tindakan mempermainkan kematian mangsa untuk menipu dan melakukan hasutan ialah perbuatan yang tidak boleh diterima sama sekali.

“Soal media sosial ini, kita kawal (tapi) ada terbatasnya. Umpamanya yang terbaru, seseorang yang kata dia itu doktor patologi bagi gambaran dan ini meracuni pemikiran jutaan orang sehingga ada rakan, is-

teri, sahabat bertanya PM (Perdana Menteri) apa ini?”

“Orang itu (Zara) dah terkorban. Kemudian kita jadikan ini sebagai satu senjata politik untuk menikam orang lain. Kalau benar tak apa. Mana boleh kita mainkan seolah-olah kematian orang itu (untuk) menipu dan menghasut sebegitu rupa,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan amanat pada majlis Perhimpunan Bulanan Jabatan Perdana Menteri di sini, semalam.

Yang turut hadir, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof; Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri

Abu Bakar dan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Wan Ahmad Dahlan Abdul Aziz.

Anwar berkata, beliau tidak menolak kemungkinan berlaku beberapa kesilapan dalam pengendalian kes Zara Qairina dari segi proses siasatan, kelewatan dan sebagainya, namun pihak berkuasa sedang mengatasinya dengan sebaik mungkin.

“Saya, TPM (Timbalan Perdana Menteri) Fadillah, TPM (Datuk Seri Ahmad) Zahid (Hamidi) semua dah keluarkan kenyataan dan kita sudah adakan mesyuarat peringkat tertinggi untuk pastikan siasatan telus,” katanya.

Mengulas mengenai buli, Perdana Menteri berkata, budaya terbahit perlu dihentikan sama sekali.

“Kemelut dalam negara, terutama beberapa kes kematian anak-anak kita, anak kita Zara (Qairina) di Sabah, Faris (Alahyarham Wan Ahmad Faris Wan Abdul Rahman) di Kelantan dan beberapa kes lain yang disebut kes buli.

“Buli ini penderaan psikologi, fizikal, sama ada di sekolah, universiti, pejabat, Kementerian Kesihatan (KKM). Itu mesti dihentikan kerana ini budaya yang merosakkan, kebejatan, penghinaan, sama ada atas peribadi seseorang itu, warna ku-

litnya dan pelbagai,” katanya.

Media sebelum ini melaporkan, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM) sedang berusaha mengenal pasti identiti seorang pengguna TikTok yang mendakwa dirinya pakar bedah yang terbahit dalam kes kematian Zara Qairina.

Menteri Komunikasi, Datuk Fahmi Fadzil, dilaporkan berkata individu berkenaan mendakwa dirinya hadir pada proses bedah siasat jenazah pelajar itu pada 10 Ogos lalu, namun semakan KKM mengesahkan individu itu bukan seorang doktor pakar mahupun petugas KKM.